

KUMPULAN GURU MUDA SAINS  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SEGAMPUT JAYA

**KOLEKSI EKSPERIMEN SAINS**  
**SPM 2023**



**NAMA :** \_\_\_\_\_

**KELAS :** \_\_\_\_\_


**"Manusia suka ingin tahu, dan itulah benih sains."**

## **KGMS SEJAYA:**

- **MUHAMMAD AFENDI CHUAH BIN  
ABDUL AZIZ CHUAH**
- **IRDINA AISYAH BINTI MOHD KHAIROL NAZARI**
  - **AUNI NAJIHAH BT HUSAIRI**
- **NUR FADHILAH KHAMSAH BINTI ABD AZIZ**
- **NUR NAJIHAH BT MOHAMAD NORLIZAM**
- **NUR AINA ALIYYAH BINTI AZMAN**
- **BALQIS SURAIYA BT RUSMADI**

## **DIBANTU OLEH :**

- **MUHAMMAD AFHAM HAKIMI BIN MUARDI**
  - **IZZAT ZAFRAN BIN MUSBAH**
- **MUHAMAD ALIFF ZIKRY BIN MUHAMAD KHAIRIL**



Pernyataan masalah : Adakah kadar denyutan nadi manusia berbeza mengikut umur?

Tujuan : Untuk **Mengkaji** hubungan antara umur dengan kadar denyutan nadi.

Pemerhatian : -Kadar denyutan nadi murid **lebih tinggi berbanding** kadar denyutan nadi guru

- kadar denyutan nadi guru **lebih rendah berbanding** kadar denyutan nadi murid.

- Kadar denyutan nadi murid **lebih tinggi berbanding** kadar denyutan nadi guru dan pembantu matmal

Hipotesis /Hubungan :

-**Semakin** meningkat umur seseorang, **semakin** rendah kadar denyutan nadi.

-**Semakin bertambah** umur seseorang, **semakin berkurang** kadar denyutan nadi.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|                                      |   |
|--------------------------------------|---|
| Dimanipulasi : umur                  | <b>Menggunakan</b> tiga sampel umur <b>yang berbeza</b> iaitu umur murid, guru dan pembantu makmal. |
| Bergerak balas : kadar denyutan nadi | <b>Mengira</b> kadar denyutan nadi selama 1 minit.  |

Dimalarkan : -tempoh masa mengira kadar denyutan nadi  
-jenis aktiviti fizikal

-Menggunakan tempoh masa mengira kadar denyutan nadi yang sama iaitu 1 minit.  
-Menggunakan jenis aktiviti fizikal yang sama.

Penjadualan data:


| Sampel          | Umur | Kadar denyutan nadi (bpm) |
|-----------------|------|---------------------------|
| Murid           |      |                           |
| Guru            |      |                           |
| Pembantu Makmal |      |                           |

DSO Kadar denyutan nadi : Kadar denyutan nadi ialah ukuran/bacaan/kadar

yang menunjukkan kadar denyutan seminit selepas aktiviti dijalankan.

Langkah berjaga – jaga : - Menggunakan tempoh masa mengira kadar denyutan nadi yang sama iaitu 1 minit.

-Menggunakan jenis aktiviti fizikal yang sama.



Jadual 1 menunjukkan kadar denyutan nadi untuk seorang murid selepas melakukan dua aktiviti fizikal. Setiap aktiviti dilakukan dalam tempoh 10 minit setiap hari selama enam bulan.

| Aktiviti fizikal | Kadar denyutan nadi (bpm) |     |
|------------------|---------------------------|-----|
|                  | Januari                   | Jun |
| Berjalan         | 90                        | 80  |
| Berlari          | 140                       | 120 |

Jadual 1

Pernyataan masalah : Adakah jenis aktiviti fizikal yang berbeza mempengaruhi kadar denyutan nadi?

Tujuan : Untuk Mengkaji hubungan antara jenis aktiviti fizikal dengan kadar denyutan nadi.

Pemerhatian : Kadar denyutan nadi ketika berjalan lebih rendah berbanding kadar denyutan nadi ketika berlari.

- Kadar denyutan nadi ketika berlari lebih tinggi berbanding kadar denyutan nadi ketika berjalan .

Hipotesis : Semakin lasak aktiviti fizikal ,semakin tinggi kadar denyutan nadi .

Inferens : - Kadar denyutan nadi ketika berlari lebih tinggi kerana jantung perlu mengepam darah lebih laju.

-Kadar denyutan nadi ketika berjalan lebih rendah kerana jantung mengepam darah dengan lebih perlahan .

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:


|   |   |
|---|---|
| Dimanipulasi : Jenis aktiviti fizikal       | Menggunakan tiga jenis aktiviti fizikal yang berbeza iaitu aktiviti berjalan dan berlari. |
| Bergerak balas : kadar denyutan nadi        | Mengira kadar denyutan nadi selama 1 minit.   |
| Dimalarkan : - tempoh masa aktiviti fizikal | -Menggunakan tempoh masa aktiviti fizikal yang sama iaitu 10 minit.                       |

DSO Kadar denyutan nadi : - Kadar denyutan nadi ialah ukuran/bacaan/kadar yang menunjukkan kadar denyutan seminit selepas aktiviti dijalankan.

DSO denyutan nadi : - Denyutan nadi adalah keadaan yang menunjukkan degupan jantung yang tinggi apabila melakukan aktiviti berlari.  
- Denyutan nadi adalah keadaan yang menunjukkan degupan jantung yang rendah apabila melakukan aktiviti berjalan.

Langkah berjaga-jaga : Menggunakan tempoh masa aktiviti fizikal yang sama iaitu 10 minit.

TINGKATAN 4 - Bab 6



**Pernyataan masalah** : Adakah tulang berongga **lebih kuat berbanding** tulang padat ?

**Tujuan** : **Mengkaji** kekuatan tulang padat dengan tulang berongga

**Pemerhatian** : - Bilangan buku teks yang boleh disokong bagi silinder padat **lebih sedikit** daripada silinder berongga.

- Bilangan buku teks yang boleh disokong bagi silinder berongga **lebih banyak** daripada silinder padat

**Hipotesis** : - Tulang berongga **lebih kuat** daripada tulang padat

**/hubungan** - Tulang berongga mampu menampung buku teks yang **lebih banyak berbanding** tulang padat

**Inferens** : Silinder berongga mampu menampung bilangan buku teks yang **lebih banyak berbanding** silinder padat **kerana** tulang berongga **lebih kuat**.

**Pemboleh ubah:**

**Cara mengawal:**

|  |  |
|--|--|
| Dimanipulasi : Jenis silinder<br>- Silinder berongga dan silinder padat  | <b>Menggunakan</b> dua jenis silinder <b>yang berbeza</b> iaitu silinder padat dan silinder berongga.                        |
| Bergerak balas : bilangan buku teks yang boleh disokong                  | <b>Mengira</b> bilangan buku teks yang boleh disokong oleh silinder  |
| Dimalarkan : - Panjang silinder<br>- diameter silinder<br>- Jenis kertas | - <b>Menggunakan</b> panjang silinder <b>yang sama</b><br>- <b>Menggunakan</b> diameter silinder <b>yang sama</b> iaitu 25cm |

DSO tulang berongga :

Tulang berongga adalah **bahan** yang menunjukkan bilangan buku teks yang boleh disokong **paling banyak** apabila buku teks diletakkan.



DSO tulang padat :

Tulang padat adalah **bahan** yang menunjukkan bilangan buku teks yang boleh disokong **paling sedikit** apabila buku teks diletakkan.

Langkah berjaga-jaga :

- Menggunakan panjang silinder **yang sama**
- Menggunakan diameter silinder **yang sama** iaitu 25 cm

TINGKATAN 4 - Bab 6



| Masa (hari) | Ketinggian anak benih kacang hijau (mm) |
|-------------|---|
| 0           | 0                                       |
| 2           | 4                                       |
| 4           | 10                                      |
| 6           | 29                                      |

Jadual 1

Ketinggian anak benih kacang hijau diukur dan direkodkan setiap hari selama 6 hari seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Pernyataan masalah:

Apakah pola pertumbuhan anak benih kacang hijau?

Tujuan:

Mengkaji pola pertumbuhan anak benih kacang hijau.

Pemerhatian:

- Ketinggian anak benih kacang hijau pada hari ke-enam adalah paling tinggi.
- Ketinggian anak benih kacang hijau pada hari ke-enam adalah 69 mm.

Hipotesis/Hubungan:

- Semakin bertambah hari, semakin bertambah ketinggian anak benih kacang hijau.
- Ketinggian anak benih, pada hari ke-6 lebih tinggi berbanding pada hari ke-2.
- Pola pertumbuhan anak benih kacang hijau adalah berbentuk sigmoid.

Inferens :

Kerana pertumbuhan anak benih kacang hijau meningkat.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:


|  |   |
|--|---|
| Dimanipulasi : -masa<br>-bilangan hari               | Menggunakan bilangan hari yang berbeza.                                 |
| Bergerak balas : Ketinggian anak benih kacang hijau. | Merekod dan Mengukur ketinggian anak benih kacang hijau.                |
| Dimalarkan : -Jenis anak benih<br>-saiz anak benih   | - Menggunakan jenis anak benih yang sama iaitu anak benih kacang hijau. |

DSO pertumbuhan tumbuhan:

Pertumbuhan tumbuhan ialah proses yang menunjukkan ketinggian anak benih kacang hijau bertambah apabila diukur selama 6 hari.

Langkah berjaga-jaga:

Menggunakan jenis anak benih yang sama iaitu anak benih kacang hijau.



Pernyataan masalah:

Adakah aloi **lebih** keras **berbanding** logam tulen?

Tujuan:

Untuk **Mengkaji** hubungan antara aloi dengan logam tulen.

Pemerhatian:



- Diameter lekuk yang terhasil pada bongkah kuprum **lebih** panjang **berbanding** diameter lekuk yang terhasil di bongkah gangsa.
- Diameter lekuk yang terhasil pada bongkah gangsa **lebih** pendek **berbanding** diameter lekuk yang terhasil di bongkah kuprum.

Hipotesis/Hubungan :

- Aloi **lebih** keras **berbanding** logam tulen.
- Bongkah gangsa **lebih** keras **berbanding** bongkah kuprum.

Inferens:

- Susunan atom dalam aloi sukar menggelongsor.
- Susunan atom dalam logam tulen mudah menggelongsor.



Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|   |  |
|---|--|
| Dimanipulasi : -Jenis bongkah   | Menggunakan dua jenis bongkah yang berbeza, iaitu bongkah kuprum dan bongkah gangsa.                     |
| Bergerak balas : Diameter lekuk                                       | Mengukur panjang diameter lekuk Menggunakan pembaris.  |
| Dimalarkan : - Jisim pemberat<br>- Ketinggian pemberat dari permukaan | - Mengekalkan jisim pemberat yang sama, iaitu 1 kg.<br>- Mengekalkan ketinggian pemberat dari permukaan. |

Penjadualan data:

| Jenis bongkah | Diameter lekuk (cm) |
|---------------|---------------------|
| Kuprum        |                     |
| Bangsa        |                     |

DSO Aloi:

Aloi ialah bahan yang menghasilkan diameter lekuk yang pendek apabila pemberat 1 kg dijatuhkan ke atas bola keluli.

DSO Logam tulen:


Logam tulen ialah bahan yang menghasilkan diameter lekuk yang lebih/paling panjang apabila pemberat 1 kg dijatuhkan ke atas bola keluli.

Langkah berjaga-jaga:

- Mengekalkan jisim pemberat yang sama iaitu 1 kg.
- Mengulangi eksperimen sebanyak 3 kali.

## TINGKATAN 4 - Bab 9

Rajah 2 menunjukkan eksperimen ketahanan logam tulen dan aloi terhadap kakisan



Rajah 2

Keputusan direkodkan dalam Jadual di bawah.

| Jenis paku | Keadaan paku selepas seminggu |
|------------|-------------------------------|
| Besi       | Warna perang                  |
| Keluli     | Tiada perubahan warna         |

Scanned with CamScanner

### Pernyataan masalah:

Adakah aloi **lebih** tahan kakisan **berbanding** logam tulen?

### Tujuan:


Untuk **Mengkaji** hubungan antara jenis paku dengan **keadaan** paku selepas seminggu.

### Pemerhatian:


- Paku besi berubah menjadi warna perang selepas seminggu manakala paku keluli tiada perub**ahan** warna.
- Paku keluli tiada perub**ahan** warna selepas seminggu manakala paku besi berubah menjadi warna perang.

### Hipotesis /Hubungan:

- Paku keluli tahan kakisan.
- Logam aloi tahan kakisan.
- Logam tulen tidak tahan kakisan.



Atom logam tulen  
Pure metal atoms



Atom aloi  
Alloy atoms

Inferens:

- Paku besi berubah menjadi warna perang selepas seminggu kerana paku besi tidak tahan kakisan.
- Paku keluli tidak berubah warna selepas seminggu kerana paku keluli tahan kakisan.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|  |   |
|--|---|
| Dimanipulasi : - Jenis paku                    | Menggunakan jenis paku yang berbeza, iaitu paku besi dan paku keluli. |
| Bergerak balas : Keadaan paku selepas seminggu | Memerhati keadaan paku selepas seminggu.                              |
| Dimalarkan : - isipadu air suling              | - Mengekalkan/Menggunakan isipadu air suling yang sama                |

DSO Aloii:


Aloii ialah bahan yang menyebabkan keadaan paku keluli tiada perubahan warna apabila diletakkan dalam air suling selama seminggu.

DSO Logam tulen:

Logam tulen ialah bahan yang menyebabkan keadaan paku besi menjadi warna perang selepas seminggu apabila diletakkan dalam air suling.

Langkah berjaga-jaga:

Mengekalkan/Menggunakan isipadu air suling yang sama.



Pernyataan masalah:

Adakah getah tervulkan **lebih** kenyal **berbanding** getah asli?

Tujuan:

**Mengkaji** satu sifat bagi dua jenis getah **yang berbeza**.

Pemerhatian:

- Panjang jalur getah setelah pemberat ditanggalkan bagi getah asli **lebih** panjang **berbanding**/daripada getah tervulkan.
- Panjang jalur getah setelah pemberat ditanggalkan bagi getah asli **lebih** /**paling** panjang.
- Panjang jalur getah setelah pemberat ditanggalkan bagi getah tervulkan **lebih** pendek **berbanding** getah asli.
- Panjang jalur getah setelah pemberat ditanggalkan bagi getah tervulkan adalah **paling** pendek.

Hipotesis:

- Getah tervulkan **lebih** kenyal **berbanding** getah asal.

Inferens:

- Kerana getah tervulkan **lebih** kenyal daripada getah asli.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|   |  |
|---|--|
| Dimanipulasi : -Jenis getah<br>-Getah asli dan getah tervulkan.     | Menggunakan 2 jenis getah yang berbeza iaitu jalur getah asli dan jalur getah tervulkan          |
| Bergerak balas : -Panjang jalur getah setelah pemberat ditanggalkan | Mengukur panjang jalur getah setelah pemberat ditanggalkan.                                      |
| Dimalarkan : - isipadu air suling                                   | -Menggunakan panjang jalur getah yang sama iaitu 10cm.<br>-Menggunakan jisim pemberat yang sama. |

DSO getah tervulkan:

Getah tervulkan ialah bahan yang menghasilkan panjang jalur getah paling pendek iaitu 10cm setelah pemberat ditanggalkan.

DSO getah asli:

Getah asli ialah bahan yang menghasilkan panjang jalur getah paling panjang iaitu 11cm setelah pemberat ditanggalkan.

Langkah berjaga-jaga:

-Menggunakan panjang asal jalur getah yang sama iaitu 10cm.

-Menggunakan jisim pemberat yang sama.

## TINGKATAN 4 – BAB 9

Rajah 1 menunjukkan eksperimen yang dijalankan untuk **Mengkaji** tindakan asid dan alkali terhadap lateks.



Rajah 1

Keputusan eksperimen di rekodkan dalam Jadual di bawah.

| Jenis bahan              | Keadaan lateks |
|--------------------------|----------------|
| Lateks + asid etanoik    | Menggumpal     |
| Lateks + larutan Ammonia | Kekal cair     |

CS Scanned with CamScanner

### Pernyataan masalah:

Adakah lateks yang ditambah dengan asid menjadi bergumpal, manakala lateks yang ditambah dengan alkali kekal cair?

### Tujuan:

Untuk **Mengkaji** kesan asid dan alkali terhadap lateks.

### Pemerhatian:

-Lateks menggumpal apabila dicampurkan dengan asid etanoik, manakala lateks kekal cair apabila ditambahkan dengan larutan ammonia.

-Lateks kekal cair apabila ditambahkan dengan larutan ammonia, manakala lateks menggumpal apabila dicampurkan dengan asid etanoik.

### Hipotesis/ Hubungan:

-Asid boleh menyebabkan lateks menggumpal.

-Alkali menyebabkan lateks kekal cair.

-Asid mempercepatkan penggumpalan lateks, manakala alkali mencegah penggumpalan lateks.

### Inferens:

-Lateks menggumpal apabila dicampurkan dengan asid etanoik kerana kehadiran ion hidrogen yang bercas positif akan meneutralkan zarah-zarah getah yang bercas negatif.

-Lateks kekal cair apabila dicampurkan dengan larutan ammonia kerana larutan ammonia meneutralkan asid laktik yang dibebaskan semasa tindakan bakteria.

-Lateks kekal cair apabila dicampurkan dengan larutan ammonia kerana ion hidroksida daripada alkali akan meneutralkan ion hidrogen daripada tindakan bakteria.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|  |   |
|--|---|
| Dimanipulasi : - Jenis bahan<br>-Lateks dengan asid etanoik dan lateks dengan larutan ammonia. | -Menggunakan jenis bahan yang berbeza iaitu asid etanoik dan larutan ammonia. |
| Bergerak balas : -Keadaan lateks   | -Memerhati keadaan lateks selepas 5 minit.                                    |
| Dimalarkan : - isipadu lateks  | -Menggunakan isipadu lateks yang sama.  |

DSO:


- Lateks ialah bahan yang menggumpal apabila ditambahkan dengan asid etanoik.
- Lateks ialah bahan yang kekal cair apabila ditambahkan dengan larutan ammonia.
- Asid ialah bahan yang menyebabkan lateks menggumpal apabila asid etanoik dititiskan/ditambahkan ke atas lateks.
- Alkali ialah bahan yang menyebabkan lateks kekal cair apabila larutan ammonia dititiskan/ditambahkan ke atas lateks.

Langkah berjaga-jaga:

Menggunakan isipadu lateks yang sama.

## TINGKATAN 4 – BAB 10

1. Rajah 1 menunjukkan eksperimen yang dijalankan untuk mengkaji kesan larutan berbeza terhadap pengoksidaan hirisan epal.



Rajah 1

Keputusan eksperimen selepas hirisan epal di rendam dalam larutan selama 1 minit dan didedahkan kepada udara selama 15 minit adalah seperti jadual berikut.

| Jenis Larutan | Warna hirisan epal di awal eksperimen | Warna hirisan epal di akhir eksperimen |
|---------------|---------------------------------------|--|
| Larutan gula  | Putih                                 | Perang                                 |
| Jus Limau     | Putih                                 | Putih                                  |

### Pernyataan masalah:

Adakah **bahan** antioksidan melambatkan **proses** pengoksidaan hirisan epal?

### Tujuan:

Untuk **Mengkaji** kesan larutan berbeza terhadap pengoksidaan hirisan epal

### Pemerhatian:

-Warna hirisan epal di akhir eksperimen berubah warna perang apabila direndam dalam larutan gula.

-Warna hirisan epal di akhir eksperimen berubah warna perang apabila **Menggunakan** larutan gula.

-Hirisan epal tidak berubah warna di akhir eksperimen apabila direndam dalam jus limau.

-Hirisan epal tidak berubah warna di akhir eksperimen apabila **Menggunakan** jus limau.

-Hirisan epal tidak berubah warna di akhir eksperimen apabila **Menggunakan** jus limau.

-Hirisan epal berubah warna perang di akhir eksperimen apabila direndam dalam larutan gula.

Hubungan /Hipotesis:

**Bahan** antioksidan melambatkan/menghentikan **proses** pengoksidaan hirisan epal

Inferens:

-Hirisan epal berubah warna perang di akhir eksperimen kerana larutan gula tidak mengandungi **bahan** antioksidan

-Hirisan epal tidak berubah warna di akhir eksperimen kerana jus limau mempunyai **bahan** antioksidan.

-Warna hirisan epal berubah warna perang di akhir eksperimen kerana larutan gula tidak mempunyai **bahan** antioksidan.

-Warna hirisan epal tidak berubah warna di akhir eksperimen kerana jus limau mempunyai **bahan** antioksidan.

-Warna hirisan epal berubah warna perang di akhir eksperimen kerana jus limau mempunyai

**bahan** antioksidan.

-Warna hirisan epal berubah warna diakhir eksperimen

dalam larutan gula kerana larutan gula tidak mengandungi/mempunyai **bahan** antioksidan

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|   |  |
|---|--|
| Dimanipulasi : - Jenis larutan  | - <b>Menggunakan</b> jenis penyelesaian yang berbeza iaitu larutan gula dan jus limau                        |
| Bergerak balas : -Warna hirisan epal di akhir eksperimen<br>-Perubahan warna hirisan epal | - <b>Memerhati</b> warna hirisan epal di akhir eksperimen<br>- <b>Memerhati</b> perubahan warna hirisan epal |

Dimalarkan : - Tempoh rendaman  
-Jenis buah

-Meggunkantempoh rendaman yang sama iaitu 1 minit  
-Meggunkanjenis buah yang sama iaitu buah epal  
-Meggunkanisipadu larutan yang sama

DSO:

-Pengoksidaan hirisan epal ialah proses yang menunjukkan perubahan warna hirisan epal apabila direndam dalam larutan gula.

-Larutan gula ialah bahan yang menyebabkan warna hirisan epal berubah warna perang apabila direndam selama 1 minit dan didedahkan kepada udara selama 15 minit.

-Jus limau ialah bahan yang menyebabkan warna hirisan epal tidak berubah warna apabila direndam selama 1 minit dan didedahkan kepada udara selama 15 minit.


Langkah berjaga-jaga :

-Meggunkantempoh rendaman yang sama iaitu 1 minit

-Meggunkanjenis buah yang sama iaitu buah epal

-Meggunkanisipadu larutan yang sama

## TINGKATAN 5 – BAB 1



### Pernyataan Masalah:

- Bagaimana tahap kebersihan jari tangan yang mencoret permukaan agar-agar nutrien steril mempengaruhi kadar pertumbuhan bakteria pada permukaan agar-agar nutrien steril tersebut?
- Adakah membasuh tangan dengan **Menggunakan** sabun dapat membunuh bakteria?
- Apakah kesan mencuci tangan terhadap pertumbuhan bakteria?

### Tujuan:

- **Mengkaji** kesan kebersihan jari tangan yang mencoret permukaan agar-agar nutrien terhadap pertumbuhan bakteria.
- Untuk **Mengkaji** hubungan antara kebersihan jari tangan dengan pertumbuhan bakteria.
- Untuk **Mengkaji** kesan kebersihan jari tangan terhadap pertumbuhan bakteria.

### Pemerhatian:

- Piring Petri A mempunyai bilangan koloni bakteria **paling banyak berbanding** B, C dan D.
- Piring Petri D mempunyai bilangan koloni bakteria **paling sedikit berbanding** A, B dan C.

### Hipotesis/Hubungan:

- **Jika** agar-agar nutrien dicoretkan dengan jari yang tidak dibasuh, **maka** berlaku pertumbuhan bakteria.
- **Jika** agar-agar dicoretkan dengan jari yang dibasuh dengan sabun, **maka** pertumbuhan bakteria tidak berlaku.

- Jika tahap kebersihan jari tangan yang mencoret agar-agar nutrisi steril bertambah, maka pertumbuhan bakteria pada permukaan agar-agar nutrisi steril itu akan berkurang.

Inferens:

- kerana terdapat pelbagai bakteria yang hidup pada permukaan tangan dan jari.

- kerana permukaan tangan adalah tempat yang ideal untuk bakteria membiak.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|   |  |
|---|--|
| <p>Dimanipulasi : - Kebersihan jari<br/>- Kebersihan jari tangan yang mencoret agar-agar nutrisi steril</p> | <p>- Mencoretkan agar-agar nutrisi dengan jari yang tidak dibasuh dan mencoretkan agar- agar nutrisi dengan jari yang dibasuh dengan sabun.<br/>- Menggunakan tahap kebersihan jari tangan yang mencoret agar-agar nutrisi steril yang berbeza</p> |
| <p>Bergerak balas : - bilangan koloni bakteria pada agar-agar nutrisi steril</p>                            | <p>- Mengira dan merekod bilangan koloni bakteria pada agar- agar nutrisi steril</p>   |
| <p>Dimalarkan : - isipadu agar – agar nutrisi steril<br/>- suhu persekitaran</p>                            | <p>- Menggunakan isipadu agar – agar nutrisi steril yg sama iaitu 10 cm<sup>3</sup><br/>- Menggunakan kuantiti agar -agar yang sama<br/>- Menggunakan suhu persekitaran yang sama.</p>   |

Penjadualan data :

| Piring petri | Permukaan agar-agar nutrien                                 | Bilangan Koloni Bakteria |
|--------------|---|--------------------------|
| A            | Dicoret oleh jari tangan yang tidak dibasuh                 | Paling banyak            |
| B            | Dicoret oleh jari tangan yang dibasuh dengan air sahaja.    | Banyak                   |
| C            | Dicoret oleh jari tangan yang dibasuh dengan sabun dan air. | Sedikit                  |
| D            | Tidak dicoret oleh jari tangan                              | Paling sedikit           |


Definisi Secara Operasi:

Pertumbuhan bakteria ialah **proses** yang menyebabkan permukaan agar-agar nutrien yang dicoret oleh jari tangan yang tidak dibasuh mempunyai bilangan bakteria **paling banyak**.

Langkah berjaga jaga:

**Menggunakan** suhu persekitaran **yang sama** sepanjang eksperimen.

## TINGKATAN 4 – BAB 3



### Pernyataan masalah:

Adakah kadar denyutan nadi manusia berbeza mengikut jantina?

### Tujuan:

Untuk **mengkaji** kesan jantina ke atas kadar denyutan nadi .

### Pemerhatian :

- Perempuan mempunyai kadar denyutan nadi yang **lebih** tinggi **berbanding** lelaki.
- Lelaki mempunyai kadar denyutan nadi yang **lebih** rendah **berbanding** perempuan.

### Hipotesis/Hubungan :

- Perempuan mempunyai kadar denyutan nadi yang **lebih** tinggi **berbanding** lelaki.
- Lelaki mempunyai kadar denyutan nadi **lebih** rendah **berbanding** perempuan.
- Jika jantina murid adalah perempuan, maka kadar denyutan nadi adalah tinggi.
- Jika jantina murid adalah lelaki, maka kadar denyutan nadi adalah rendah.

### Inferens :

Perempuan mempunyai kadar denyutan nadi yang **lebih** tinggi **berbanding** lelaki kerana saiz jantung perempuan **lebih** kecil (perlu mengepam darah dengan **lebih** cepat untuk mendapatkan oksigen).

### Pemboleh ubah:

### Cara mengawal:

Dimanipulasi : - Jantina murid

- **Menggunakan** dua jenis jantina murid yang berbeza iaitu lelaki dan perempuan.

|  |  |
|--|--|
| Bergerak balas : - kadar denyutan nadi                 | - <b>Mengira/Mengukur</b> kadar denyutan nadi selama seminit.  |
| Dimalarkan : - Tempoh masa<br>- Jenis aktiviti fizikal | - <b>Menggunakan</b> tempoh masa mengira kadar denyutan nadi yang sama iaitu selama seminit.<br>- <b>Menggunakan</b> jenis aktiviti fizikal yang sama. |

Penjadualan data:

| Jantina murid | Kadar denyutan nadi (bpm) |
|---------------|---------------------------|
| Lelaki        |                           |
| Perempuan     |                           |

DSO Kadar denyutan nadi:

- Kadar denyutan nadi adalah ukuran/bacaan/kadar yang menunjukkan kadar denyutan nadi bagi lelaki paling rendah.
- Kadar denyutan nadi adalah ukuran/bacaan/kadar yang menunjukkan kadar denyutan nadi bagi perempuan paling tinggi.


DSO denyutan nadi:

-Denyutan nadi adalah keadaan yang menunjukkan degupan jantung bagi perempuan yang paling tinggi.

- Denyutan nadi adalah keadaan yang menunjukkan degupan jantung bagi lelaki yang paling rendah.

Langkah berjaga- jaga:

- Menetapkan tempoh masa mengira kadar denyutan nadi yang sama.
- **Menggunakan** jenis aktiviti fizikal yang sama.



Rajah 11.12 Susunan radas

Pernyataan masalah:

Berapakah nilai pecutan graviti,  $g$ ?

Tujuan:

Menentukan nilai pecutan graviti,  $g$  Menggunakan jangka masa detik.

Hipotesis:

-Nilai pecutan graviti,  $g$  ialah  $10 \text{ ms}^{-2}$

-Jika jisim pemberat bertambah, maka pecutan graviti bertambah.

Hubungan/Hipotesis :

-Semakin bertambah jisim pemberat, semakin bertambah pecutan graviti.

-Semakin berkurang jisim pemberat, semakin berkurang pecutan graviti.

Inferens:

kerana bilangan detik pada pita detik bertambah/berkurang.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|   |   |
|---|---|
| Dimanipulasi : - Jisim pemberat               | Menggunakan 5 jisim pemberat yang berbeza iaitu 50g, 100g, 150g, 200g dan 250g. |
| Bergerak balas : Nilai pecutan graviti        | Mengira dan Merekod nilai pecut graviti.  |
| Dimalarkan : - Ketinggian pemberat dilepaskan | Memastikan semua pemberat dilepaskan pada ketinggian yang sama.                 |

Penjadualan data:

|   |    |     |     |     |     |
|---|----|-----|-----|-----|-----|
| Jisim pemberat (g)                      | 50 | 100 | 150 | 200 | 250 |
| Pecutan graviti, g (m s <sup>-2</sup> ) |    |     |     |     |     |

Jadual 11.5

DSO pecutan graviti: Pecutan graviti ialah nilai yang ditunjukkan apabila pemberat dilepaskan.

Langkah berjaga-jaga:

- Memastikan semua pemberat dilepaskan pada ketinggian yang sama.
- Memastikan jatuhan pemberat diulang sekurang-kurangnya 2 kali untuk mendapatkan purata bacaan.

- Daripada analisis pita detik:


- (a) Halaju awal,  $u = \frac{x \text{ cm}}{0.02 \text{ s}}$

- (b) Halaju akhir,  $v = \frac{y \text{ cm}}{0.02 \text{ s}}$

- (c) Masa yang diambil,  $t = (6 - 1) \times 0.02 \text{ s} = 0.10 \text{ s}$

- (d) Pecutan graviti, g dihitung dengan menggantikan nilai u, v dan t ke dalam rumus:

$$g = \frac{v - u}{t} = \text{___ cm s}^{-2} = \text{___ m s}^{-2}$$



Rajah 1

| Jisim plastikis (g) | Masa bagi 10 ayunan $t$ (s) | Tempoh ayunan $T = \frac{t}{10}$ (s) |
|---------------------|-----------------------------|--------------------------------------|
| 30                  | 3.8                         | 0.38                                 |
| 40                  | 4.6                         | 0.46                                 |
| 50                  | 5.3                         | 0.53                                 |
| 60                  | 5.9                         | 0.59                                 |
| 70                  | 6.4                         | 0.64                                 |

Rajah 2

Pernyataan masalah:

Adakah jisim objek mempengaruhi inersia objek?

Tujuan:

Mengkaji hubungan antara Jisim dengan inersia.

Pemerhatian:

- Masa bagi 10 ayunan bagi jisim plastikis 70 g adalah paling tinggi /lama
- Masa bagi 10 ayunan bagi jisim plastism 70g adalah 6.4 saat
- Masa bagi 10 ayunan bagi jisim plastikis 30g adalah paling rendah.
- Tempoh ayunan bagi jisim plastikis 70g lebih lama daripada jisim plastikis 30g.
- Tempoh ayunan bagi 30g jisim plastikis adalah paling singkat.
- Tempoh ayunan bagi 70g jisim plastikis adalah paling lama.

Hipotesis/Hubungan:

- Semakin hubungan **bertambah** jisim plastisin, semakin **bertambah** inersia objek
- Semakin besar jisim plastisin / objek, semakin besar inersia objek.
- Jika** jisim plastisin **bertambah**, **maka** inersia objek **bertambah**.
- **Jika** jisim plastisin **berkurang**, **maka** inersia objek **berkurang**.

Inferens :

kerana inersia objek **bertambah** / besar.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|                                      |  |
|--------------------------------------|--|
| Dimanipulasi : - Jisim plastisin     | <b>Menggunakan</b> 5 jisim plastisin <b>yang berbeza</b> iaitu 30g, 40g, 50g, 60g dan 70g. |
| Bergerak balas : Tempoh ayunan       | <b>Mengira</b> dan <b>Merekod</b> tempoh ayunan <b>Menggunakan</b> jam randik.             |
| Dimalarkan : - Panjang bilah gergaji | <b>Menggunakan</b> panjang bilah gergaji <b>yang sama</b> iaitu 20cm.                      |

DSO Inersia:


Inersia ialah **keadaan** yang menunjukkan masa untuk 10 ayunan apabila plastisin diletakkan pada bilah gergaji dan diayun.

Langkah berjaga-jaga:

**Menggunakan** panjang bilah gergaji **yang sama** iaitu 20cm.

## TINGKATAN 4 - Bab 11

1. Rajah 1 menunjukkan eksperimen untuk mengkaji masa yang diambil bagi bola ping pong jatuh ke dasar tiub pam vakum yang mengandungi udara dan dalam keadaan tanpa udara (vakum).



Rajah 1

Keputusan eksperimen dicatatkan pada Jadual dibawah.

| Keadaan tiub pam vakum | Masa untuk bola ping pong jatuh ke dasar (saat) |
|------------------------|---|
| Ada udara              | 8   |
| Tiada udara (vakum)    | 3   |

### Pernyataan masalah:

Adakah masa yang diambil oleh objek jatuh bebas sama dengan bukan jatuh bebas untuk sampai ke permukaan dasar ?

### Tujuan:

Untuk **mengkaji** kesan objek jatuh bebas dan bukan jatuh bebas terhadap masa yang diambil untuk sampai ke dasar.

### Permerhatian:

- Masa yang diambil untuk bola ping pong jatuh ke dasar bagi **keadaan** tiada udara/vakum **lebih** cepat/singkat daripada **keadaan** ada udara.
- Masa yang diambil untuk bola ping pong jatuh ke dasar bagi **keadaan** ada udara **lebih** lambat/lama daripada **keadaan** tiada udara/vakum.
- Masa yang diambil untuk bola ping pong jatuh ke dasar adalah **paling** cepat dalam **keadaan** vakum.
- Masa yang diambil untuk bola ping pong jatuh ke dasar adalah **paling** lama dalam **keadaan** ada udara.

### Hipotesis/Hubungan:

- Dalam **keadaan** ada udara, masa yang diambil untuk bola ping pong jatuh **lebih** lama **berbanding** **keadaan** tiada udara.

- Masa yang diambil untuk bola ping pong jatuh ke dasar adalah lebih cepat dalam keadaan vakum berbanding ada udara.

Inferens:

- Dalam keadaan ada udara lambat kerana terdapat rintangan udara.
- Dalam keadaan vakum tiada rintangan udara.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|  |   |
|--|---|
| Dimanipulasi : - Keadaan tiub pam vakum<br>-Kehadiran udara<br>- Keadaan ada udara dan tiada udara | Menggunakan 2 keadaan yang berbeza iaitu ada udara dan tiada udara. |
| Bergerak balas : Masa untuk bola pingpong jatuh ke dasar   | Mengira masa untuk bola ping pong jatuh ke dasar.                   |
| Dimalarkan : - Ketinggian bola   | Mengekalkan ketinggian bola dilepaskan sama.                        |

DSO Keadaan vakum:

Keadaan vakum ialah keadaan yang menunjukkan masa


untuk bola ping pong sampai ke dasar (ialah 3 saat/lebih singkat) apabila bola ping pong dilepaskan dalam tiup pam vakum.

Langkah berjaga jaga:

- Memastikan tiada udara dalam tiup vakum.
- Memastikan ketinggian bola ping pong dilepaskan adalah sama.

TINGKATAN 5 – BAB 1

| kehadiran nutrien | Bilangan koloni bakteria |
|-------------------|--------------------------|
| Ada               | 5                        |
| Tiada             | 0                        |



Pernyataan masalah:

Apakan kesan nutrien terhadap pertumbuhan Bacillus sp?

Tujuan:

Untuk **mengkaji** kesan kehadiran nutrien terhadap pertumbuhan Bacillus sp.

Pemerhatian:

Bilangan koloni bakteria bagi ada kehadiran nutrien dalam agar-agar ialah **paling banyak**.

-Bilangan koloni bakteria bagi tiada kehadiran nutrien dalam agar-agar adalah **paling sedikit**.

Hipotesis:

Kehadiran nutrien diperlukan untuk pertumbuhan bakteria Bacillus sp.

**Jika** terdapat kehadiran nutrien pada agar-agar nutrien, **maka** pertumbuhan bakteria berlaku.

Inferens:

kerana mikroorganisma memerlukan nutrien yang mencukupi untuk pertumbuhan.

- kerana kehadiran nutrien merupakan faktor utama yang dapat merencatkan pertumbuhan mikroorganisma.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|   |  |
|---|--|
| Dimanipulasi : - Kehadiran nutrien        | Menggunakan Kehadiran nutrien yang berbeza pada agar-agar nutrien  |
| Bergerak balas : bilangan koloni bakteria | Mengira bilangan koloni bakteria pada permukaan agar-agar nutrien. |
| Dimalarkan : - Jenis bakteria             | Menggunakan jenis bakteria yang yang sama iaitu Bacillus sp.       |

DSO Pertumbuhan bakteria:

Pertumbuhan bakteria ialah proses yang menghasilkan koloni bakteria apabila larutan kultur bakteria Bacillus sp. dimasukkan ke dalam agar-agar nutrien.


- Pertumbuhan bakteria ialah proses yang menghasilkan koloni bakteria paling banyak apabila larutan kultur bakteria Bacillus sp. dimasukkan ke dalam agar-agar nutrien steril.

Langkah berjaga-jaga:

Menggunakan jenis bakteria yang sama iaitu Bacillus sp.

Nota:

Faktor yang mempengaruhi pertumbuhan mikroorganisma



TINGKATAN 4 – BAB 1



Pernyataan masalah:

Apakah kesan kelembapan terhadap pertumbuhan *Bacillus* sp. ?

Tujuan:

Untuk **Mengkaji** kesan kelembapan terhadap pertumbuhan *Bacillus* sp.

Pemerhatian:

- Bilangan koloni bakteria pada piring petri C **lebih** banyak **berbanding** piring petri D.
- Bilangan koloni bakteria pada piring petri D **lebih** sedikit **berbanding** piring petri C

Hipotesis / hubungan:

- Kelembapan yang tinggi meningkatkan pertumbuhan *Bacillus* sp.
- Jika** kelembapan agar-agar nutrien tinggi **maka** bilangan koloni bakteria **bertambah**.

Inferens:

- Bilangan koloni bakteria pada piring petri C **lebih** banyak **berbanding** piring petri D kerana pertumbuhan bakteria pesat pada permukaan yang lembap.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|   |   |
|---|---|
| Dimanipulasi : - Kelembapan agar-agar     | Menggunakan dua kelembapan nutrien agar-agar nutrien yang berbeza iaitu kelembapan rendah & tinggi. |
| Bergerak balas : Bilangan koloni bakteria | Mengira bilangan koloni bakteria pada permukaan agar-agar nutrien.                                  |
| Dimalarkan : - Jenis bakteria             | Menggunakan jenis bakteria yang sama iaitu Bacillus sp.   |

Penjadualan data:

| Kelembapan agar-agar nutrien | Bilangan koloni bakteria |
|------------------------------|--------------------------|
| Rendah                       |                          |
| tinggi                       |                          |


DSO Pertumbuhan:

Pertumbuhan bakteria ialah proses yang menghasilkan bilangan koloni bakteria yang lebih banyak apabila kelembapan agar-agar nutrien yang tinggi digunakan.

Langkah berjaga-jaga:

- Menggunakan jenis bakteria yang sama iaitu Bacillus sp.
- Mengekalkan isipadu agar-agar nutrien steril yg sama iaitu 10cm<sup>3</sup>.

## TINGKATAN 4 – BAB 1



### Pernyataan masalah:

- Apakah kesan cahaya terhadap pertumbuhan bakteria?
- Apakah kesan cahaya terhadap pertumbuhan bakteria *Bacillus* sp.?

### Tujuan:

- Untuk **mengkaji** kesan cahaya terhadap pertumbuhan bakteria.
- Untuk **mengkaji** kesan cahaya terhadap pertumbuhan bakteria *Bacillus* sp.

### Pemerhatian:

- Bilangan koloni bakteria yang terhasil pada piring Petri E (mana<sup>2</sup> label yg berkaitan berdasarkan soalan) **lebih** banyak **berbanding** piring Petri F. -Bilangan koloni bakteria yang terhasil pada piring Petri F **lebih** sedikit **berbanding** piring Petri E.

### Hipotesis /Hubungan:

- Cahaya dapat merencatkan pertumbuhan bakteria.
- Cahaya dapat merencatkan pertumbuhan bakteria *Bacillus* sp.
- Jika** keamatan cahaya tinggi, **maka** pertumbuhan bakteria terencat.

### Inferens:

- Bilangan koloni bakteria yang terhasil pada piring Petri F **lebih** sedikit **berbanding** piring Petri E kerana terdapat kehadiran cahaya.
- Bilangan koloni bakteria yang terhasil pada piring Petri E **lebih** banyak **berbanding** Piring Petri F kerana tiada kehadiran cahaya.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|  |   |
|--|---|
| Dimanipulasi : - Kehadiran cahaya                                  | Menggunakan dua kehadiran cahaya yang berbeza, iaitu gelap dan cerah.   |
| Bergerak balas : Bilangan koloni bakteria                          | Memerhati bilangan koloni bakteria pada permukaan agar-agar nutrien selepas tempoh 3 hari.  |
| Dimalarkan : - Jenis bakteria<br>-Isipadu agar-agar nutrien steril | -Menggunakan jenis bakteria yang sama iaitu Bacillus sp.<br><br>-Menggunakan isipadu agar-agar nutrien steril yang sama, iaitu 10 cm <sup>3</sup> . |

Penjadual data:

| Kehadiran cahaya | Bilangan koloni bakteria |
|------------------|--------------------------|
| Gelap            |                          |
| Cerah            |                          |

DSO pertumbuhan bakteria:

-Pertumbuhan bakteria ialah proses yang menghasilkan bilangan koloni bakteria yang paling/lebih sedikit apabila piring petri yang mengandungi agar-agar nutrien steril diletakkan di kawasan yang cerah.


-Pertumbuhan bakteria ialah proses yang menghasilkan bilangan koloni bakteria yang paling/lebih banyak apabila piring petri yang mengandungi agar-agar nutrien steril diletakkan di kawasan yang gelap.

Langkah berjaga-jaga:

-Menggunakan jenis bakteria yang sama, iaitu Bacillus sp.

-Mengekalkan isipadu agar-agar nutrien steril yang sama, iaitu 10 cm<sup>3</sup>.

## TINGKATAN 5 – BAB1



Rajah diatas menunjukkan pemerhatian bagi eksperimen **mengkaji** kesan kepekatan antibiotik (peninsilin) terhadap pertumbuhan bakteria (*Bacillus* sp.)

### Penyataan masalah:

Apakah kesan kepekatan antibiotik terhadap pertumbuhan *Bacillus* sp ?

### Tujuan :

**Mengkaji** kesan kepekatan antibiotik terhadap pertumbuhan *Bacillus* sp.

### Pemerhatian :

- Luas kawasan jernih cakera kertas turas yang direndam didalam larutan penisilin 30% **lebih** besar **berbanding** cakera kertas turas yang direndam didalam larutan penisilin 10% dan air suling.
- Luas kawasan jernih C **lebih** besar **berbanding** luas kawasan jernih B dan A.

### Hipotesis/Hubungan:

- Semakin tinggi kepekatan antibiotik , semakin rendah pertumbuhan *Bacillus* sp.
- Jika kepekatan antibiotik bertambah, maka pertumbuhan *Bacillus* sp. berkurang.

- Jika kepekatan antibiotik tinggi, maka pertumbuhan Bacillus sp. rendah.

Inferens :

Cakera kertas turas yang direndam dalam di dalam larutan peninsilin 30% membunuh banyak bakteri.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|                                       |   |
|---------------------------------------|---|
| Dimanipulasi : - Kepekatan antibiotik | Menggunakan kepekatan antibiotik yang berbeza.                |
| Bergerak balas : luas kawasan jernih  | Mengukur luas kawasan jernih yang terhasil.                   |
| Dimalarkan : - Jenis bakteria         | -Menggunakan jenis bakteria yang yang sama iaitu Bacillus sp. |


DSO Antibiotik kepekatan tinggi /rendah :

- Antibiotik berkepekatan tinggi ialah bahan yang menghasilkan kawasan jernih yang lebih besar apabila diletakkan pada permukaan agar-agar nutrien yang mengandungi bakteria.
- Antibiotik berkepekatan rendah ialah bahan yang menghasilkan kawasan jernih yang lebih kecil apabila diletakkan pada permukaan agar-agar nutrien yang mengandungi bakteria.

Langkah berjaga-jaga :

Menggunakan jenis bakteria yang sama iaitu Bacillus sp.

## TINGKATAN 4 -BAB 1



### Pernyataan Masalah:

- Apakah kesan suhu terhadap pertumbuhan *Bacillus* sp.?
- Adakah faktor suhu mempengaruhi pertumbuhan *Bacillus* sp.?

### Tujuan eksperimen:

- Untuk **mengkaji** kesan suhu terhadap pertumbuhan *Bacillus* sp.
- Untuk **mengkaji** hubungan antara suhu dengan pertumbuhan *Bacillus* sp.

### Pemerhatian:

- Bilangan koloni bakteria pada piring petri G adalah paling banyak **berbanding** piring petri H dan I.
- Piring petri I mempunyai suhu yang paling tinggi iaitu 70°C **berbanding** piring petri G dan H

### Hipotesis / Hubungan:

- Suhu bilik menggalakkan pertumbuhan *Bacillus* sp.
- Pertumbuhan *Bacillus* sp. adalah paling pesat pada suhu bilik.
- Jika suhu bertambah, maka pertumbuhan bakteria berkurang.

### Inferens:

- Kerana suhu yang tinggi akan membunuh *Bacillus* sp.
- Kerana suhu yang tinggi dapat membunuh mikroorganisma.

Pemboleh ubah:

Cara mengawal:

|   |   |
|---|---|
| Dimanipulasi : - Suhu.  | - <b>Menggunakan</b> suhu yang berbeza iaitu suhu bilik, 5°C dan 70°C.<br>- <b>Menggunakan</b> tiga suhu yang berbeza iaitu suhu bilik, 5°C dan 70°C. |
| Bergerak balas : Bilangan koloni Bacillus sp.<br>-Bilangan koloni bakteria. | - <b>Mengukur</b> dan merekod bilangan koloni Bacillus sp.<br>-Memerhati dan merekod bilangan koloni bakteria   |
| Dimalarkan : - Jenis bakteria<br>-Isipadu larutan Bacillus sp               | - <b>Menggunakan</b> jenis bakteria yang sama iaitu Bacillus sp.<br>- <b>Menggunakan</b> isipadu larutan kultur Bacillus sp. yang sama.               |

Jangkaan pemerhatian:

| Piring petri | Suhu (c)   | Bilangan koloni bakteria |
|--------------|------------|--------------------------|
| G            | Suhu bilik | Banyak                   |
| H            | 5          | Sangat sedikit           |
| J            | 70         | Tiada                    |

Definisi Secara Operasi:


-Suhu ialah keadaan yang menyebabkan piring petri G mempunyai bilangan koloni bakteria paling banyak **berbanding** piring petri H dan J apabila diletakkan pada suhu bilik.

Langkah berjaga-jaga:

-**Menggunakan** jenis bakteria yang sama sepanjang eksperimen.  
-Memastikan isipadu larutan kultur Bacillus sp. digunakan dalam kadar yang sama bagi setiap piring petri.

## TINGKATAN 5 – BAB 2

1. Rajah 1 menunjukkan satu eksperimen untuk mengkaji kesan suhu terhadap pertumbuhan Bakteria *Bacillus subtilis*.



Rajah 1

Selepas 2 hari, keadaan bubur nutrien dalam setiap tabung uji diperhatikan dan direkodkan pada jadual di bawah.

| Tabung Uji | Suhu (°C) | Keadaan bubur nutrien |
|------------|-----------|-----------------------|
| K          | 5         | Jernih                |
| L          | 37        | Keruh                 |
| M          | 70        | Jernih                |

### Pernyataan Masalah:

- Apakah kesan suhu terhadap pertumbuhan bakteria *Bacillus* sp.?
- Apakah kesan perubahan suhu terhadap pertumbuhan bakteria *Bacillus* sp.

### Tujuan Eksperimen:

